



POLISI KONFLIK KEPENTINGAN



FELCRA BERHAD

KUMPULAN INTEGRITI

HASRAT

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN FELCRA BERHAD

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, FELCRA Berhad telah berjaya membangunkan Polisi Konflik Kepentingan FELCRA Berhad.

Konflik kepentingan merupakan salah satu punca terjadinya perlakuan rasuah dalam sesebuah organisasi. Justeru untuk mencapai aspirasi agar Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah, FELCRA Berhad komited untuk melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mengekang berlakunya konflik kepentingan dengan membangunkan Polisi Konflik Kepentingan ini.

Polisi Konflik Kepentingan ini dibangunkan sebagai rujukan warga FELCRA Berhad yang mana berkemungkinan akan berhadapan dengan situasi konflik kepentingan dan sukar untuk membuat keputusan berkaitan urusan rasmi. Polisi ini terpakai kepada semua Ahli Lembaga Pengarah, staf serta anak-anak syarikat FELCRA Berhad.

Sehubungan dengan itu, besar harapan saya agar semua wargakerja FELCRA Berhad mengutamakan amalan kerja yang telus dan amanah agar FELCRA Berhad bebas dari sebarang penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

Sekian, terima kasih.



**DATO' MAT RONI
ZAKARIA**



MANDAT

KETUA PEGAWAI INTEGRITI KUMPULAN

Assalamualaikum dan salam Integriti.

Dalam menghadapi Liabiliti Korporat di bawah Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, FELCRA Berhad perlu lebih tegas dalam membendung kes-kes salahgunakuasa terutamanya melibatkan kepentingan dan kuasa yang telah diperuntukkan dalam melaksanakan tugas sehari-hari sebagai staf FELCRA Berhad.

Polisi Konflik Kepentingan FELCRA Berhad ini adalah salah satu manifestasi ketegasan Pengurusan Tertinggi FELCRA Berhad dalam membendung konflik kepentingan yang mungkin boleh berlaku di dalam FELCRA Berhad dan anak-anak syarikat FELCRA Berhad.

Oleh itu, dengan kewujudan Polisi Konflik Kepentingan FELCRA Berhad ini, ia akan menjadi garis panduan yang jelas "**Do and Don't**" kepada Ahli Lembaga Pengarah dan staf FELCRA Berhad dalam melaksanakan tugas dengan meletakkan keutamaan kepada kepentingan syarikat terlebih dahulu.

Sekian, terima kasih.

AZLAN ABD AZIZ



PENDAHULUAN

Ahli Lembaga Pengarah dan staf syarikat (FELCRA Berhad dan anak-anak Syarikat FELCRA Berhad) ketika dalam melaksanakan tugas rasmi berkemungkinan akan menghadapi situasi konflik kepentingan yang mana beliau tidak dapat bertindak secara objektif dan telus; sekaligus sukar membuat keputusan secara adil dan saksama berkaitan urusan rasmi.

Sebagai sebuah "**Badan Awam**" seperti yang ditakrifkan di dalam Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, mana-mana anggota Syarikat sama ada Ahli Lembaga Pengarah atau staf FELCRA Berhad termasuk anak-anak Syarikat adalah terdedah kepada kesalahan-kesalahan seperti contoh di bawah Seksyen 23 Akta SPRM 2009 iaitu salahguna kuasa, dan lain-lain. Oleh demikian, polisi ini adalah satu garis panduan dalam mengurus konflik kepentingan yang wujud di FELCRA Berhad dan anak-anak Syarikat FELCRA Berhad.

TUJUAN

Polisi ini diwujudkan adalah bertujuan untuk memberikan panduan kepada Ahli Lembaga Pengarah dan Staf FELCRA Berhad serta anak-anak Syarikat FELCRA Berhad di dalam menangani isu Konflik Kepentingan yang mungkin timbul ketika melakukan tugas-tugas rasmi.

PEMATUHAN

Polisi ini wajib dipatuhi dan hendaklah dijadikan panduan oleh pemegang taruh, anak syarikat, rakan niaga atau mana-mana individu/ejen/organisasi yang berurusan dengan FELCRA Berhad serta anak-anak Syarikat FELCRA Berhad.

TAKRIFAN

'Konflik Kepentingan'

Apa-apa tingkah laku atau cara yang boleh menyebabkan anggota syarikat tersebut telah membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan kepentingan Syarikat; atau menggunakan kedudukan jawatannya bagi faedahnya sendiri, ahli keluarga stafatau sekutunya.

'Staf'

Ertinya mana-mana orang yang dilantik dan digajikan oleh FELCRA Berhad dan/atau anak-anak Syarikat FELCRA Berhad sama ada berstatus tetap/kontrak/sambilan yang melaksanakan tugas-tugas sebagai pekerja dan tertakluk kepada mana-mana peraturan-peraturan FELCRA Berhad dan/atau anak-anak Syarikat FELCRA Berhad. Ia juga boleh ditakrifkan sebagai seorang "Pegawai Badan Awam" seperti takrifan di dalam Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

'Syarikat'

Ertinya organisasi FELCRA Berhad dan/atau anak-anak Syarikat FELCRA Berhad.

TAKRIFAN (SAMBUNGAN)

'FELCRA Berhad'

Ertinya sebuah Syarikat Berkepentingan Kerajaan yang didaftarkan di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia, yang mana kerajaan mempunyai kawalan ke atasnya. Ia juga boleh ditakrifkan sebagai sebuah "Badan Awam" seperti takrifan di dalam Seksyen 3 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

'Ahli Keluarga'

Ertinya Ibubapa, ibubapa mertua, suami, isteri, anak-anak (anak kandung, tiri atau angkat), menantu, adik-beradik dan cucu kepada Ahli Lembaga Pengarah dan staf FELCRA berhad termasuk anak-anak Syarikat FELCRA Berhad yang masih sedang berkhidmat.

'Pihak Ketiga'

Kontraktor, vendor, pembekal, organisasi, persatuan atau mana-mana pihak yang berurusan rasmi dengan FELCRA Berhad dan/atau anak-anak Syarikat FELCRA Berhad.

'Sekutu'

Tafsiran Sekutu adalah sepetimana maksud di bawah Seksyen 3 Akta SPRM 2009 (Akta 694).

SKOP & DASAR

FELCRA Berhad sentiasa berusaha untuk menerapkan serta memperkuuhkan nilai-nilai Pemacuan Prestasi, Responsif, Integriti, Displin dan Etika di kalangan Staf bagi semua urusan rasmi.

Selaras dengan usaha dan komitmen tersebut, Ahli Lembaga Pengarah dan staf syarikat adalah dilarang sama sekali untuk:

PERTAMA

Mempunyai kepentingan peribadi/kewangan/kepentingan dengan pihak ketiga yang terlibat dengan apa-apa urusan rasmi dengan syarikat;

KEDUA

Menyalurkan apa-apa maklumat terperingkat berkaitan syarikat dengan tanpa kebenaran Pengurusan Tertinggi Syarikat yang membolehkan pihak ketiga mendapat manfaat dalam apa-apa urusan rasmi Syarikat;

KETIGA

Menjalankan apa-apa bentuk transaksi dengan menggunakan akaun peribadi dengan pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi dengan syarikat;

SKOP & DASAR (SAMBUNGAN)

KEEMPAT

Menerima yuran/komisen/apa-apa barang bernilai daripada pihak ketiga yang mempunyai urusan rasmi dengan syarikat; dan

KELIMA

Menggunakan kedudukan rasmi untuk mengembangkan kemajuan kerjaya ahli keluarga di dalam syarikat.

KEENAM

Memohon apa-apa faedah peribadi bagi mendapatkan sesuatu daripada kerajaan negeri atau agensi kerajaan negeri di atas projek perladangan, perumahan dan lain-lain yang sedang/akan dimajukan oleh syarikat hendaklah mendapatkan kelulusan syarikat terlebih dahulu.

Sebagai contoh permohonan lot tanah yang dimajukan oleh FELCRA Berhad di Pejabat Tanah dan Daerah Negeri.

PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN

PERTAMA

Mana-mana staf yang mempunyai percanggahan kepentingan di dalam apa-apa sahaja proses kerja rasmi hendaklah mengisytiharkan kepentingannya secara bertulis kepada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan syarikat.

KEDUA

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan hendaklah dengan segera menggantikan mana-mana staf yang telah mengisytiharkan kepentingannya dengan staf lain yang tidak mempunyai kepentingan dalam proses kerja tersebut.

KETIGA

Staf yang mempunyai percanggahan kepentingan dan terlibat membuat keputusan dalam mana-mana mesyuarat hendaklah mengisytiharkan kepentingannya secara lisan kepada mesyuarat serta meninggalkan mesyuarat tersebut.

KEEMPAT

Urus setia mesyuarat hendaklah merekodkan pengisytiharan kepentingan dan tindakan staf tersebut meninggalkan mesyuarat di dalam minit mesyuarat.

PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN

KELIMA

Pengisytiharan kepentingan juga boleh dibuat secara bertulis dengan menggunakan Borang Pengisytiharan Kepentingan seperti di **Lampiran A**, jika pengisytiharan tersebut tidak di minit dalam mana-mana mesyuarat.

KEENAM

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan boleh atas pertimbangannya untuk menurunkan tanggungjawab dan kuasa seperti termaktub dalam Perkara **Pertama** dan **Kedua** kepada mana-mana pegawai yang kompeten atas tugas tersebut bagi tujuan kelancaran pelaksanaan polisi ini.

KETUJUH

Pengisytiharan kepentingan yang melibatkan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan atau Ahli-ahli Lembaga Pengarah boleh dibuat terus kepada Lembaga Pengarah Syarikat seberapa segera.

KEGAGALAN PENGISYIHKARAN KEPENTINGAN

PERTAMA

Kegagalan atau keengganan untuk mematuhi Polisi ini boleh disifatkan sebagai ingkar perintah dan dikenakan tindakan tatatertib di bawah Peraturan-Peraturan Dan Kelakuan Tatatertib FELCRA Berhad Dan Prosedur Tatatertib FELCRA Berhad (Pindaan 2020) atau mana-mana peraturan yang ditetapkan oleh syarikat.

KEDUA

Pelanggaran Polisi ini oleh pihak ketiga, pihak syarikat selepas pertimbangan wajar bolehlah memaklumkan kepada Pihak Berkuasa yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya.

PENUTUP

Polisi ini akan menjadi garis panduan dan rujukan kepada semua Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan staf FELCRA Berhad dan anak-anak Syarikat FELCRA Berhad di dalam melaksanakan tugas harian tanpa membelakangkan hala tuju syarikat sebagai sebuah organisasi yang berdaya saing.

Polisi ini berkuatkuasa mulai **4hb Mac 2021**

HUBUNGI KAMI

KUMPULAN INTEGRITI FELCRA BERHAD

Wisma Felcra, Lot 4780,
Jalan Rejang, Setapak Jaya,
Peti Surat 12254,
50772 Kuala Lumpur, Malaysia

email: integriti@felcra.com.my



**Borang Pengisyiharan Kepentingan
FELCRA Berhad**

Kepada : Ketua Pegawai Eksekutif

..... (Nama Syarikat)

Saya No. K/P:

dengan ini sesungguhnya mengisyiharkan bahawa:



Saya, ahli keluarga dan/atau tanggungan saya **TIDAK MEMPUNYAI** sebarang apa-apa kepentingan peribadi, kewangan atau lain-lainnya, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam apa jua perkara yang menimbulkan atau boleh menimbulkan percanggahan dengan tugas dan tanggungjawab saya

sebagai:

di (Kumpulan/Bahagian/Anak Syarikat)

.....

Saya, ahli keluarga dan/atau tanggungan saya **MEMPUNYAI** kepentingan peribadi, kewangan atau lain-lainnya, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dalam perkara tertentu yang menimbulkan atau boleh menimbulkan percanggahan dengan tugas dan tanggungjawab saya sebagai:

.....

di (Kumpulan/Bahagian/Anak Syarikat)

Nama Ahli Keluarga/Tanggungan yang terbabit:

.....

Syarikat/organisasi yang terbabit:

Jenis kepentingan yang terbabit:

.....

Dengan ini, saya dengan sesungguhnya berikrar dan bersumpah bahawa maklumat yang diberikan adalah benar, betul dan lengkap. Saya juga faham, jika saya dibuktikan telah mengemukakan maklumat palsu, dengan sengaja atau tidak sengaja, saya akan dikenakan hukuman selaras dengan mana-mana peraturan yang telah ditetapkan oleh FELCRA Berhad.

Tandatangan :

Tarikh :

Nama :

No. K/P:

* Borang ini boleh digunakan di anak-anak syarikat FELCRA Berhad.